

Headline	Usaha perangi HIV/Aids dipergiat		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 534
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,601



# Usaha perangi HIV/Aids dipergiat

## Cheang Poh Hwa

LABUAN: Sejak 2011 lapan orang disahkan menghidap Aids di sini, dengan dua kematian.

Walaupun jumlah masih rendah berbanding bilangan penduduk seramai 90,000 orang, usaha berterusan untuk memerangi penyakit ini masih dijalankan bagi mencapai sasaran "Mencapai Angka Sifar".

"Kita tidak boleh mengambil mudah bahawa keadaan adalah terkawal dan ia hanya memberi kesan kepada penagih dadah dan pekerja seks, kerana statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan semua golongan masyarakat boleh menghadapi risiko jika tindakan berjaga-jaga tidak diambil," kata Pengarah Kesihatan Labuan Dr Zaini Hussin.

Dalam ucapannya sempena Hari Aids Sedunia beliau berkata, kerajaan mengambil pendekatan

Pengurangan Kemudaratan di kalangan penagih dadah. Program ini adalah bagi menyelamatkan nyawa penagih dadah serta kemudaratan yang dihadapi orang lain.

Rangkumannya termasuklah mengurangkan risiko HIV, Hepatitis B dan C, ketagihan dadah serta masalah mental, psikologikal sosial dan aktiviti-aktiviti jenayah.

Pelbagai program diadakan sepanjang tahun untuk mempromosi kesedaran dan pengertian terhadap faktor-faktor risiko dan pencegahan penyakit-penyakit berjangkit ini.

"Mereka yang dijangkiti Aids atau pembawa HIV memikul tanggungjawab mempraktikkan seks selamat dan berhenti menderma darah. Jika seorang suami (menghidap penyakit ini) memaksa isterinya mengadakan hubungan seks (tidak selamat), suami itu boleh didakwa di

mahkamah di bawah 'Kanun Keseksaan,'" katanya semasa temu-ramai selepas merasmikan seminar sehari.

Keadaan menyeluruh HIV/Aids di Malaysia, pencegahan dan rawatan, wanita dan HIV/Aids serta saringan dan pra perkahwinan adalah antara tajuk yang dibentangkan.

Sementara itu Dr Zaini ketika memberi komen tentang wabak TB di 1Borneo berkata, jabatannya sedang memantau keadaan.

Koloni setingan dikenalpasti sebagai titik panas di mana keadaan persekitaran sangat sesak. Beliau menggesa kompleks-kompleks membeli belah dan pasaraya besar agar memastikan sistem aliran udara sempurna di premis mereka.

Dengan 90 hingga 100 kes TB, Labuan merupakan antara yang tertinggi dalam kes jangkitan.



**ZAINI**  
(tengah)  
menyampaikan  
sijil kepada  
Dr Abd Hafiz  
Mohd Gani  
salah seorang  
penceramah  
sambil  
diperhatikan  
Mustapha  
Tangkim,  
pengerusi  
lembaga  
pelawat  
jabatan.